

16 JAN 2002  
MSIA-OASIS/I  
MALAYSIA SEBUAH OASIS EKONOMI

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Kisah kejayaan Malaysia perlu diceritakan dan disampaikan ke pengetahuan masyarakat perniagaan AS dan antarabangsa, kata ketua pegawai eksekutif Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI), Datuk Dr Michael Yeoh.

Negara ini merupakan salah sebuah oasis (kawasan subur) ekonomi dunia, dan masyarakat perniagaan di AS dan antarabangsa harus tahu tentang ekonomi negara ini yang semakin meningkat, keadaan politiknya yang semakin stabil serta keharmonian kaum dan agama di negara ini, katanya dalam satu kenyataan hari ini semasa mengumumkan Sidang Kemuncak Pelaburan Malaysia yang akan diadakan di New York pada 4 Februari 2002.

Ini dan maklumat lain mengenai Malaysia, termasuk reformasi dan perubahan-perubahan lebih baik dalam tadbir urus korporat akan dikemukakan pada sidang kemuncak tersebut, katanya.

Acara kemuncak ialah ucap-tama oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri akan berucap mengenai tajuk "Mengekalkan Kestabilan Ekonomi dan Politik di Tengah-Tengah Kegawatan Serantau dan Ketidak Pastian Global: Pengalaman Malaysia."

Yeoh berkata, Sidang Kemuncak Pelaburan Malaysia itu diadakan tepat pada masanya kerana negara ini kini sudah bersiap sedia menghadapi pemulihan ekonomi.

Sidang kemuncak itu bertujuan menarik lebih banyak pelaburan AS dan menyampaikan betapa menariknya perniagaan di Malaysia serta peluang-peluang pelaburan kepada pengurus-pengurus dana dan usahawan-usahawan AS, katanya.

"AS sibuk memberi tumpuan kepada China dengan kemasukannya dalam WTO baru-baru ini dan peperangan menentang keganasan. Oleh itu, kita perlu memberitahu bahawa ada lagi sebuah kawasan lembah subur (oasis) ekonomi yang lain, seperti Malaysia.

"Sidang kemuncak itu akan menyampaikan sudut pandangan jauh Malaysia kepada kumpulan-kumpulan utama yang berkepentingan dan masyarakat perniagaan di AS serta memberi peluang yang amat sesuai kepada Perdana Menteri dan penceramah-penceramah lain memperbetulkan tanggapan yang salah mengenai Malaysia," jelas Yeoh.

Ini akan memberi peluang kepada pengurus-pengurus dana dan pelabur-pelabur institusi untuk mendapatkan penjelasan yang lebih luas daripada Perdana Menteri dan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, yang juga akan menyampaikan ucapan pada sidang kemuncak itu.

Selain daripada itu, Dr Mahathir akan juga mengadakan Rundingan Meja Bulat pada waktu sarapan dengan usahawan-usahawan terkemuka AS yang dipengerusikan oleh Michael Carpenter, pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Salomon Smith Barney.

Pengerusi eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Datuk Mohd Azlan Hashim akan juga menyampaikan ucapannya pada sidang kemuncak itu.

Mohd Azlan akan memberikan maklumat-maklumat terkini mengenai pasaran modal Malaysia - ke arah era baru tadbir urus korporat, reformasi dan perkembangan.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon juga akan membentangkan kertas kerjanya pada sidang kemuncak itu mengenai tajuk "Malaysia: Rakan Kongsipilihan bagi Pasaran ICT Global".

Beberapa orang ketua perniagaan terkemuka dunia, akan turut menghadiri

persidangan ini.

Mereka termasuklah Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, pengerusi eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia; Tan Sri Hassan Marican, pengerusi Petronas; Tan Sri Razali Abdul Rahman, pengerusi Kumpulan Peremba; Tan Sri Khoo Kay Peng, pengerusi/ketua pegawai eksekutif MUI Group; Tan Sri Chan Ah Chye, pengerusi Talam Corporation; Datuk Tan Teong Hean, ketua pegawai eksekutif Southern Bank; Tan Sri Francis Yeoh, pengarah urusan YTL Corporation; Datuk Amirsham Aziz, pengarah urusan Maybank; Dr Rozali Mohd Ali, ketua pegawai eksekutif Bumiputra Commerce Bank; Datuk Shahril Shamsuddin, presiden Kumpulan Sapura; Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff, ketua pegawai eksekutif Proton; Jeneral Tan Sri Hashim Ali, pengerusi Country Heights Holdings; dan bekas pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Dr Munir Majid.

Sidang Kemuncak Pelaburan Malaysia ini dianjurkan bersama oleh ASLI, Salomon Smith Barney (SSB) Citicorp dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). --  
BERNAMA

MFZ SD KY OS